

27

Penggunaan Popplet bagi Merangsang Pemikiran dalam Penulisan Karangan Ekspositori

Nurul Fasha Samsudin

nurul_fasha_samsudin@moe.edu.sg

Farah Diyanah Mohammed Tayib


farah_diyanah_mohammed_tayib@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Sembawang

Abstrak

Para pelajar sering menghadapi masalah menjana idea untuk penulisan karangan ekspositori. Mereka lazimnya kehilangan markah bagi bahagian isi kerana idea-idea yang tidak relevan selain tidak dikembangkan dengan baik. Para pelajar tidak mampu memberikan contoh-contoh yang sesuai untuk menyokong atau mengembangkan idea-idea dalam penulisan karangan ekspositori mereka. Oleh itu, Unit Bahasa Melayu Sekolah Menengah Sembawang menjalankan kajian meninjau keberkesanan perisian *Popplet* untuk merangsang pemikiran para pelajar dalam pembelajaran karangan ekspositori. Kajian tersebut dijalankan dengan melibatkan para pelajar Menengah 2 aliran Ekspres dan Normal Akademik. Kajian ini menunjukkan terdapat peningkatan markah bagi sesetengah pelajar.

Kata Kunci: 4M, *Popplet*, karangan, ekspositori, menjana, menyusun, menghubung kait, mengembangkan,



320

Seminar Bahasa Melayu 2018

PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Singapura menitikberatkan pemikiran kritis dan kreatif sebagai kemahiran yang perlu diterapkan dalam diri pelajar melalui pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Demikian halnya, pelajar-pelajar Menengah 2 aliran Ekspres dan Normal Akademik yang telah didedahkan kepada penulisan karangan ekspositori yang memerlukan kemahiran pemikiran kritis dan kreatif. Namun begitu, pelajar-pelajar ini mengalami kesukaran untuk melahirkan buah fikiran yang tersusun, kritis dan mendalam. Mereka tidak mampu menulis isi-isi yang padat dan lengkap untuk memperkuuh penulisan ekspositori mereka. Kajian ini bertujuan untuk memperkasa pelajar dengan kemahiran pemikiran kritis melalui perisian *Popplet* yang mendukung prinsip ‘literasi visual’ yang disertakan dengan kaedah 4M, salah satu kemahiran berfikir.

PERNYATAAN MASALAH

Dalam menyampaikan pengajaran karangan ekspositori, guru-guru menghadapi masalah apabila para pelajar gagal menjana isi yang mantap bagi penulisan karangan mereka. Kebanyakan pelajar lazimnya menulis ayat penyata tanpa menerangkan permasalahan yang dinyatakan. Hal ini menjadikan isi yang dihasilkan cetek, sekali gus menjejas markah bagi bahagian isi. Selain itu, para pelajar juga tidak mengaitkan ayat topik dan penerangan mereka dengan soalan. Hal ini menjejas wacana karangan ekspositori yang dihasilkan.

Justeru, *popplet* dijadikan sebagai satu platform visual untuk membenarkan para pelajar melihat perancangan mereka dengan lebih jelas. *Popplet* membenarkan pelajar untuk mengembangkan isi secara berkait dan membantu pelajar melihat sama ada penerangan mereka memadai. Tambahan pula, struktur *popplet* yang sama bentuknya dengan peta minda membolehkan pelajar mengaitkan satu penerangan ke penerangan yang lain.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. melengkapkan pelajar dengan kemahiran mengembangkan dan menghubungkaitkan isi-isi karangan ekspositori yang relevan dengan tuntutan soalan; dan



2. membantu pelajar dengan keupayaan menyusun isi-isi karangan ekspositori secara sistematik

KAJIAN LEPAS


1. Kemahiran Berfikir

Kemahiran berfikir merupakan salah satu daripada kemahiran kognitif yang melibatkan persepsi, konsepsi, intuisi, taakulan dan sebagainya. Pemikiran merupakan proses yang menggunakan akal untuk menyelesaikan masalah. Proses ini melibatkan aktiviti-aktiviti menyusun idea, membuat kesimpulan untuk mendapatkan ilmu atau kemahiran baharu yang boleh digunakan untuk penyelesaian masalah yang kian mencabar. Proses penyusunan maklumat, konsep atau idea melibatkan penggunaan pandangan, gambaran, simbol, perkataan dan rangsangan atau dorongan untuk menulis karangan dengan baik.

Edward de Bono (2010) mengaitkan kemahiran berfikir dengan pemikiran lateral, yakni sebagai keupayaan melihat sesuatu dengan pelbagai perspektif bagi menyelesaikan masalah. Meyer (1977) pula melihat pemikiran sebagai melibatkan pengelolaan operasi-operasi mental untuk menyelesaikan masalah.

2. Literasi Visual

Keupayaan pelajar untuk berinteraksi dengan grafik ataupun imejan merupakan satu aspek pembelajaran alaf ke-21 yang penting. Kehidupan kita kini kerap didedahkan kepada ledakan informasi yang dibentangkan dalam pelbagai bentuk media supaya memudahkan pemahaman pembaca dan meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Smaldino, Lowther dan Russel (2012) menyebutkan dua strategi pengajaran di kelas yang dapat digunakan oleh guru untuk mengajarkan kemampuan literasi visual. Untuk tujuan kajian ini, strategi kedua akan diberikan fokus. Strategi *output* merujuk kepada keupayaan pelajar sendiri untuk menghasilkan visual, dengan tujuan pembentangan mahupun perbincangan. Keperluan memiliki kemahiran ini disokong oleh Makin dan Whitehead (2004) yang menekankan bahawa literasi ini merangkumi pelbagai kemahiran, terutama sekali kemahiran menulis, memberi pendapat dan pemikiran kritikal. Keupayaan menghasilkan ilustrasi visual dapat membantu pelajar memahami makna penulisan dengan lebih mendalam supaya berjaya menghasilkan karangan ekspositori yang padat.



3. Peta Minda

Peta minda merupakan satu cara berkesan untuk menjana isi bagi sesebuah topik. Menurut Zipp dan Maher (2013), peta minda merupakan kaedah yang menyokong pemikiran mendalam. Konsep peta minda diperkenalkan oleh Tony Buzan pada tahun 1970 dan bertujuan untuk menyusun pemikiran penulis. Peta minda yang digunakan dalam kajian ini memberikan fokus kepada satu idea utama di tengah dan kemudian dikembangkan kepada cabang-cabang yang diperlukan. Jumlah kaitan yang dilakarkan menunjukkan pemahaman penulis terhadap idea utama yang dibincangkan sebagai tema peta minda tersebut (Zipp dan Maher, 2013). Hal ini akan memudahkan guru untuk memantau perkembangan para pelajar dalam menjana isi.

Terdapat banyak kajian lepas yang membuktikan keberkesanan peta minda dalam membantu pelajar menghasilkan penulisan karangan yang lebih berkualiti. Dua kajian lepas yang akan dijadikan sandaran bagi kajian ini adalah yang telah dijalankan oleh Yahya Othman (2012) dan Ats-Tsauratul Maimanah (2014). Hasil daripada kedua-dua kajian ini membuktikan bahawa peta minda turut membantu pelajar merangka isi karangan yang berkait, lantas menghasilkan satu penulisan yang berkesan (Yahya, 2012). Tambahan lagi, peta minda merupakan satu kaedah pembelajaran dan pengajaran yang berbentuk “*multi-sensory*” dan memberi ruang kepada pelajar kebebasan untuk menjana idea mereka, sesuai dengan profil para pelajar pada zaman ini (Zipp dan Maher, 2013). Ini akan membentuk pemahaman yang lebih mendalam dan pemikiran yang lebih kritis.


KAEDAH KAJIAN

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 35 pelajar Menengah 2 aliran Normal Akademik dan 27 pelajar Menengah 2 aliran Ekspres yang terdiri daripada pelbagai keupayaan, iaitu keupayaan tahap tinggi, sederhana dan rendah. Profil pelajar bagi kumpulan Ekspres ialah pelajar auditori manakala pelajar Normal Akademik lebih tergolong alam kumpulan visual dan kinestetik.

Instrumen Kajian

Popplet merupakan perisian yang boleh digunakan oleh guru dan pelajar untuk



menyusun dan berkongsi idea-idea secara dalam talian. Melalui *Popplet*, pelajar boleh menghasilkan penyusun grafik dan berkongsi penyusun grafik mereka dengan rakan serta guru mereka. *Popplet* membantu pelajar berfikir dan belajar secara visual.

Kaedah 4M: Menjana - Menyusun - Menghubung kait - Mengembangkan merupakan salah satu kaedah rutin berfikir. 4M bertujuan untuk membantu pelajar mengatur dan menyusun pemahaman mereka tentang sesbuah topik melalui peta minda. Pada peringkat permulaan, pelajar akan menjana idea-idea yang relevan berdasarkan topik yang diberikan. Kemudian, pelajar akan menyusun idea-idea mereka mengikut tuntutan soalan. Selanjutnya, pelajar akan cuba menghubung kait idea-idea yang serupa dalam satu idea yang besar. Akhir sekali, pelajar akan mengembangkan idea-idea dengan memberikan idea-idea yang baharu untuk menyokong idea yang sedia ada. Pelajar juga digalakkan memberikan contoh-contoh yang relevan untuk menyokong idea-idea yang telah diberikan.

Prosedur Kajian

Sebelum menggunakan perisian *Popplet*, guru harus menjelaskan kaedah 4M. Guru akan menunjukkan bagaimana kaedah ini diaplikasikan kepada proses pemikiran. Pengajaran *Popplet* dijalankan selepas pelajar mengenali dan memahami penulisan berbentuk ekspositori. Pelajar diberi topik karangan ekspositori yang baharu. Semasa sesi pengajaran yang pertama, guru akan membincangkan topik bersama pelajar. Secara berpandu, para pelajar akan mengenal pasti kata-kata kunci dalam soalan sebelum mengenal pasti tema utama yang ingin dijadikan fokus.

Pada tahap ini, guru akan menjelaskan tentang kaedah 4M. Guru akan menjelaskan dan menunjukkan kepada para pelajar bagaimana kaedah 4M ini diaplikasikan dalam proses pemikiran. Pelajar juga akan menggunakan teknik Pernyataan, Huraian, Contoh, Kaitan (PHCK) yang telah mereka pelajari semenjak Menengah 1 lagi untuk melengkapka kaedah 4M. Untuk M yang pertama, iaitu ‘Menjana’ - pelajar akan menjana idea-idea yang relevan dan bersesuaian dengan tuntutan soalan. Pada tahap ini, adalah tidak mustahak bagi pelajar untuk menyenaraikan seberapa banyak idea yang boleh difikirkan. Fokus tahap ini adalah untuk menghasilkan beberapa isi sahaja namun yang mantap dan pelbagai.



Tahap kedua ialah ‘Menyusun’. Guru akan mula mengenalkan perisian *Popplet* untuk membantu pelajar menyusun isi-isi secara sistematis. Semasa membantu pelajar menyusun isi mereka dengan baik, pelajar akan membuat penilaian isi daripada segi keutamaannya iaitu mana yang harus diutamakan dan aspek manakah yang sepatutnya diletakkan pada bahagian awal karangan.

Tahap ketiga kaedah 4M ialah ‘Menghubung kait’. Pada tahap ini, pelajar akan merujuk semula kepada teknik PHCK yang telah mereka pelajari. Mereka akan mengaitkan isi-isi utama (bahagian P) yang telah dihasilkan pada tahap pertama tadi. Pelajar perlu meletakkan garisan-garisan di *Popplet* mereka untuk menghubungkaitkan antara isi-isi mereka. Tahap ini berfungsi sebagai satu cara untuk pelajar menyemak secara kendiri tentang kesesuaian isi-isi yang telah dijana tadi.

Tahap terakhir dalam kaedah 4M ialah ‘Mengembangkan’. Tahap inilah yang paling mencabar bagi pelajar kerana mereka harus meneliti isi yang telah dijana, disusun dan dihubung kait. Mereka harus menjelaskan mengapa isi mereka menjawab soalan karangan dengan baik sebelum menyelitkan contoh-contoh yang sesuai bagi menyokong isi mereka.


Pelajar akan menyusun setiap isi dengan beberapa keterangan. Pelajar boleh menghasilkan beberapa kotak bersesuaian dengan apa yang mereka perlukan. Pelajar dipandu untuk menghasilkan kotak pernyataan utama dan kemudian membina huraian dari kotak tersebut. Setiap pernyataan hendaklah ada sekurang-kurangnya satu kotak huraian dan satu kotak contoh yang mengikutinya. Di dalam kotak huraian dan contoh, pelajar dibolehkan menyertakan gambar, video mahupun pautan sekiranya ia dapat membantu mereka memahami dan mengukuhkan isi yang akan dibincangkan dalam eseи. Penyusunan isi-isi memainkan peranan penting kerana pelajar dapat ‘melihat’ sekiranya penerangan yang telah ada itu mencukupi untuk tuntutan karangan.

Setelah pelajar selesai menghasilkan *Popplet*, pelajar diberi peluang untuk menyemak *Popplet* mereka bersama guru dan menambah kepada *Popplet* mereka sebelum mereka menghasilkan karangan ekspositori masing-masing.




DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Rajah 1: Hasil *Popplet* Pelajar A



Pelajar telah diberikan peluang untuk menghasilkan *Popplet* secara berpandu. Pelajar menjana isi dengan melakar peta minda menggunakan perisian *Popplet*. Berikut adalah hasil *Popplet* pelajar yang telah menggunakan kaedah 4M untuk menangani soalan ekspositori mereka.



Rajah 2: Hasil *Popplet* Pelajar B



Jika dilihat daripada peta minda di atas, pelajar berjaya menjana isi utama sebelum menghubungkaitkan contoh yang sesuai sebelum mengembangkan idea mereka. Melalui kaedah 4M yang telah diajarkan, pelajar mampu menghasilkan isi-isi mantap menggunakan perisian *Popplet*.

Guru kemudiannya dapat memberikan maklum balas yang sesuai. Jika kita lihat hasil kerja pelajar kedua, bahagian pengembangan agak lemah namun pelajar tetap berjaya melaksanakan tiga lagi M, yakni hampir 70% tuntutan markah bagi isi penulisan karangan ekspositori. Peranan guru penting untuk memberi pelajar maklum balas agar perisian *Popplet* dapat digunakan sepenuhnya. Guru dapat mengajukan soalan-soalan rangsangan seperti soalan ‘mengapa’ dan ‘bagaimana’ supaya membantu pelajar mengembangkan isi secara relevan.

Berikut merupakan data yang menunjukkan peratusan keputusan pelajar.



Jadual 1: Keputusan Karangan Ekspositori 2 Ekspres

| Markah | 15-19 | 20-25 | 26-30 | 31-40 |
|------------|-------|-------|-------|-------|
| Praujian | 0 | 2 | 21 | 2 |
| Pascaujian | 1 | 12 | 12 | 0 |

Jadual 2: Keputusan Karangan Ekspositori 2 Normal Akademik

| Markah | 15-19 | 20-25 | 26-30 | 31-40 |
|------------|-------|-------|-------|-------|
| Praujian | 2 | 18 | 15 | 0 |
| Pascaujian | 2 | 15 | 15 | 3 |

Berdasarkan hasil kerja pelajar yang telah dipautkan, para pelajar rata-rata berjaya menjana isi dengan baik setelah menggunakan perisian *Popplet*. Perisian ini memberi pelajar peluang untuk menjana, menyusun, menghubung kait dan mengembangkan isi secara visual lantas membolehkan mereka untuk memahami tuntutan soalan dan menghasilkan penulisan.

Namun, jika dinilai daripada analisis data berdasarkan pemarkahan, kumpulan pelajar Menengah 2 Ekspres tidak menunjukkan peningkatan seperti yang diharapkan. Sebaliknya, terdapat penurunan markah setelah *Popplet* digunakan. Hasil kajian barangkali terjejas oleh jumlah pelajar yang belum terbiasa dengan penjanaan idea melalui *Popplet*.

Jelasnya, *Popplet* lebih sesuai bagi pelajar yang berprofil visual. Hal ini dapat dilihat dalam pencapaian yang lebih memberangsangkan bagi para pelajar Menengah 2 Normal Akademik. Dalam rajah 2, tiga pelajar berjaya mencapai lebih daripada 30 markah dalam penulisan karangan ekspositori mereka berbanding para pelajar Ekspres.

KESIMPULAN

Setelah kajian ini dijalankan, pelajar-pelajar lebih yakin menulis karangan ekspositori dan tidak janggal menggunakan peta minda untuk menghasilkan isi-isi yang relevan dan berasa, bagi menjawab soalan. Walaupun dapatan daripada



pascaujian menunjukkan ada penurunan markah untuk kohort 2 Ekspres, guru mendapati bahawa para pelajar telah memperkuuhkan kemahiran menjana dan menyusun isi-isi. Dapatkan ini merangsang guru untuk menambah dua lagi kemahiran berfikir, iaitu menghubung kait dan mengembangkan melalui penguasaan bahasa.

Namun begitu, para penyelidik juga sedar bahawa terdapat faktor-faktor lain yang menjadikan keberkesanan kajian yang dijalankan kerana penulisan karangan ekspositori tidak terbatas kepada menjana isi sahaja. Oleh itu, untuk kajian lanjut, para pengkaji hanya akan mengambil kira markah isi dalam penulisan ekspositori untuk mendapatkan data yang lebih tepat.

RUJUKAN

Ats-Tsauratul Maimanah (2014). *The effectiveness of using mind mapping in the teaching of writing essay*. Jakarta: State Islamic University of Syarif Hidayatullah Jakarta.


Edward de Bono (2010). *Lateral thinking: A textbook of creativity*. United Kingdom: Penguin.

John W. Meyer (1977). *The American Journal of Sociology*, Vol. 83, No. 1 (Jul., 1977), pp. 55-77. The University of Chicago Press.


Makin L and Whitehead. M (2004). *How to develop children's early literacy*. London, Paul Chapman Publishing.

Smaldino S, Lowther D and Rusell, J (2012). *Instructional technology and media for learning*. United Kingdom: Pearson.

Yahya Othman (2012). *Keberkesanan penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran karangan argumentatif di sebuah sekolah menengah Arab di Negara Brunei Darussalam*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Vol. 2, Bil. 2, (Nov, 2012), pp 32-45. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.



Zipp, G. & Maher, C. (2013). *Journal of the Scholarship of Teaching and learning: Prevalence of mind mapping as a teaching and learning strategy in physical therapy curricula*, Vol. 13, No. 5, (Dec, 2013). Indiana University.



330

Seminar Bahasa Melayu 2018